



B O A R D O F S T U D I E S
NEW SOUTH WALES

HIGHER SCHOOL CERTIFICATE EXAMINATION

1999

MALAY

FOR BACKGROUND SPEAKERS

2/3 UNIT (COMMON)

LISTENING SKILLS

TRANSCRIPT

Beberapa kajian sebelum ini telah menghubungkan tindakan yang dilakukan kaum wanita selama hamil dengan kegiatan anti-sosial dalam kehidupan anak mereka di kemudian hari. Hasil penyelidikan menunjukkan, tingkah laku ibu kemungkinan besar akan mempunyai pengaruh ke atas anak lelaki.

Sekarang, suatu kajian baru menunjukkan hubungan antara perempuan yang merokok selama mengandung dan risiko anak lelaki perempuan tersebut menjadi penjenayah atau orang yang garang setelah dewasa.

Kajian itu diselenggarakan di Universiti Emory di Atlanta, Georgia; Universiti South Carolina, dan Maktab Tinggi Perubatan di Copenhagen, Denmark. Penemuan mereka dilaporkan dalam Archives of General Psychiatry, terbitan Persatuan Perubatan Amerika.

Para penyelidik memeriksa catatan polis tentang 4185 orang lelaki Denmark yang pernah ditangkap yang berusia paling tua 34 tahun. Kelompok lelaki tersebut lahir antara tahun 1959 dan 1961.

Para penyelidik mendapati kaitan kuat antara lelaki yang menjadi penjahat dan tabiat merokok yang dipunyai ibu-ibu mereka semasa mengandung.

Juga ditemui hubungan antara bilangan penangkapan kerana perbuatan jenayah dan jumlah rokok yang telah dihisap ibu mereka. Menurut laporan ini, makin banyak seseorang ibu merokok, makin besar kemungkinan anaknya ditangkap polis kelak.

Para penyelidik tidak dapat membuktikan hubungan langsung antara merokok dan jenayah. Tetapi mereka dapat menunjukkan bahawa ada hubungan antara kedua-duanya. Kemungkinan penyebab lain termasuk latar belakang ibu bapa, sama ada mereka pernah melakukan kejahatan, tidak memperhatikan perkembangan anak, usia ibu yang terlalu muda, ataupun pendapatan ibu yang rendah.

Patricia Brennan dari Universiti Emory merupakan salah seorang ahli pasukan penyelidikan. Ia mengemukakan, kajian-kajian sebelum ini menunjukkan, apa yang dilakukan seseorang wanita selama hamil dapat mempengaruhi bayinya. Nikotin dalam rokok mempengaruhi perkembangan otak bayi dan merosakkan susunan saraf selama dalam kandungan.

Majalah Archives of General Psychiatry memuat sepucuk surat mengenai kajian tersebut. Seorang ilmuwan mengatakan, terlalu awal untuk mengatakan bahawa merokok dapat meningkatkan kemungkinan timbulnya amalan anti-sosial. Ia mengatakan, lebih banyak kajian diperlukan untuk mengukuhkan hasil sedemikian.